

DOKUMEN UniMAP 2025

TAHUN 2022 - 2025



#UniMAPMantap #UniMAP4Society #Engineering4Society

Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan



#UniversitiMalaysiaPerlis

#gemilangbersamaunimap #tradisigemilang

www.unimap.edu.my



Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Kampus Alam UniMAP
Pauh Putra
02600 Arau
Perlis, Malaysia
No. Telefon : 04-9414131

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Ucapan Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	1
Ucapan Aluan Naib Canselor	4
Misi, Visi & Nilai Teras UniMAP	6
Objektif UniMAP	8
Teras Utama	-
•Teras Pengukuhan Akademik	9
•Teras Pemerkasaan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan	21
•Teras Kesejahteraan Pelajar	30
•Teras Pengantarabangsaan	40
•Teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti	48

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Teras Pemangkin	-
• Teras Kecemerlangan Bakat	60
• Teras Pemantapan Infrastruktur	68
• Teras Kelestarian Kewangan	76
Rumusan KPI Tahun 2022	79
Sidang Editorial	123

Ucapan Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Ucapan Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Tahniah saya ucapan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses semakan semula dan penetapan perancangan serta pelaksanaan Pelan Strategik UniMAP 2025 bagi tahun 2022 dan 2023. Perkembangan Pengajian Tinggi Nasional dan Antarabangsa yang dinamik, yang dicetuskan oleh persekitaran global yang tidak menentu, menuntut Universiti menjadi lebih peka dan strategik tentang perkara yang perlu diberi penekanan. Pelbagai agenda perlu diuruskan dan harapan yang diletakkan kepada peranan Universiti dalam melahirkan bakat yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan dan daya saing negara begitu tinggi sekali.



Sebagai sebuah Universiti Awam, tuntutan utama yang perlu dipenuhi oleh UniMAP ialah dalam memastikan segala aktiviti yang dilaksanakan di UniMAP akan membawa kepada kekuatan para graduan dari segi akademik dan sahsiah, dan juga kekuatan sosioekonomi negara amnya. Lantas strategi Universiti perlu memberi fokus kepada aspek kemanusiaan yang merentas kesemua lapan teras yang digariskan dalam UniMAP 2025. Setinggi dan secanggih mana pun perkembangan teknologi yang membantu memacu masa hadapan kita, tanpa kepekaan kepada nilai-nilai kemanusiaan akan menghasilkan komuniti yang lesu.

Nilai-nilai kemanusiaan juga adalah pra-syarat kepada kejayaan inisiatif yang mendokong falsafah yang didasari oleh Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Saya berharap pelaksanaan pelan ini akan dapat melonjakkan pengajaran dan pembelajaran di UniMAP, serta memeriahkan lagi aktiviti inovasi dan penyelidikan untuk manfaat manusia sejagat sebagai sumbangan Universiti kepada agenda lestari. Saya yakin sebagai sebuah Universiti teknikal, UniMAP mempunyai kekuatan disiplin ilmu yang mantap yang mampu merealisasikan hasrat UniMAP 2025, yang seterusnya akan membawa universiti ini ke mercu kejayaan.

UniMAP terus maju!

Y.M. RAJA DATO' AZWANE RAJA ARIFF



Ucapan Aluan Naib Canselor



UniMAP 2025 adalah respon universiti terhadap IR4.0 dan agenda lestari. Pada masa yang sama ia juga ialah pendekatan proaktif dalam memastikan universiti ini kekal relevan dalam agenda pembangunan negara menjelang tahun 2025 dan seterusnya. Untuk kejayaan matlamat strategik UniMAP 2025, kita juga memberi tumpuan kepada faktor kejayaan kritikal, yang selain kewangan, juga merangkumi pemantapan kapasiti bakat dan infrastruktur.

Objektif strategik dan indikator yang ditetapkan dalam pelan UniMAP 2025 menggambarkan komitmen kita untuk mencapai hasrat Visi dan Misi UniMAP. Kesemua petunjuk prestasi utama (KPI) bagi universiti yang ditetapkan pada peringkat nasional telah diintegrasikan dengan KPI UniMAP 2025. Maka, melalui pelan ini, warga UniMAP akan dapat melihat keseluruhan strategi universiti yang bersifat holistik dan bersepadu.

Pelaksanaan inisiatif dalam UniMAP 2025 InsyaAllah akan membawa kita semua kepada kejayaan yang kita idam-idamkan. Saya yakin cita-cita besar UniMAP akan dicapai, Insyaallah, dengan usaha kita bersama. Marilah kita mengorak langkah untuk kesejahteraan UniMAP.

PROF. TS DR ZALIMAN SAULI

Visi, Misi & Nilai Teras

Objektif UniMAP

MISI

Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.

VISI

Universiti Teknikal yang berdaya saing di persada antarabangsa.

NILAI TERAS

Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan



OBJEKTIF UniMAP

PELAJAR

Untuk membangunkan pemimpin masa depan yang holistik melalui pendidikan menyeluruh yang mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

RANGKAIAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA/ MTUN:

Untuk memainkan peranan dalam pengajian tinggi TVET demi pembangunan industri negara.

KOMUNITI

Untuk menjadi pemangkin perkongsian ilmu dan teknologi dengan masyarakat.

FAKULTI DAN STAF

Untuk menyediakan persekitaran yang memberdayakan pembangunan intelektual dan profesional.

PENYELIDIKAN

Untuk menjana ilmu baharu melalui usaha penyelidikan yang strategik bagi manfaat manusiawi.

BUDAYA KAMPUS

Untuk membangunkan persekitaran intelektual yang kondusif bagi perkongsian ilmu, pandangan, budaya serta idea dalam usaha mencapai kemampanan.

PEMBANGUNAN BANGSA

Untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkaya budaya Malaysia.



Teras Pengukuhan Akademik

Teras: Pengukuhan Akademik (01)

Pengukuhan Akademik merupakan tunjang utama atau *core business* sesebuah universiti dan ianya adalah agenda yang sangat penting dan berimpak tinggi. Sesuai dengan peranan tersebut, Teras Pengukuhan Akademik harus memastikan semua program akademik yang ditawarkan sentiasa selari dengan keperluan industri dan berupaya melahirkan graduan yang bersifat holistik, berdaya saing dan bijak meneroka peluang baharu.

Sehubungan dengan itu, beberapa objektif strategik (OS) telah dikenal pasti bagi menyokong hasrat Teras Pengukuhan Akademik. Kesemua objektif strategik (OS) ini mempunyai Pengukur Prestasi Utama (KPI) yang spesifik untuk mengukur dan menilai pencapaian setiap objektif.

OS yang dikenal pasti ialah:

OS1: Institusi TVET yang ternama

OS2: Kerangka Pendidikan Fleksibel UniMAP

OS3: Tenaga pengajar yang berkualiti

OS4: Enrolmen pelajar yang mampan

OS5: Kemudahan dan sistem akademik bertaraf dunia

Institusi TVET yang ternama (OS1)

Sebagai universiti yang memainkan peranan yang utama dalam mengarus perdanakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), UniMAP optimis serta yakin untuk mentransformasi sistem pendidikan TVET secara berterusan.

KPI: Peratus program TVET yang ditawarkan.

Inisiatif utama :

1. Melantik felo industri
2. Mencapai nisbah 70:30 bagi program TVET kepada program bukan TVET
3. Membangunkan kurikulum berteraskan keperluan industri.
4. Membangunkan kapasiti sumber manusia TVET.
5. Mempelbagaikan mod penyampaian dan penawaran program.

KPI: Bilangan kursus/program yang memberi nilai tambah kepada kompetensi pelajar.

Inisiatif utama :

1. Mewujudkan University Revolution Teaching Factory (URTF) sebagai PTJ.
 2. Membangunkan kerangka UniMAP TVET Centre yang terdiri daripada URTF, INSAT dan Makmal-makmal Industri.
 3. Merancang dan membangunkan modul bagi kursus-kursus di UniMAP TVET Centre.
 4. Mengintegrasikan kursus-kursus UniMAP TVET Centre ke dalam kurikulum program akademik.
 5. Menganjurkan kursus-kursus/program yang mendapat pengiktirafan badan profesional dan industri berkaitan.
-

KPI: Bilangan aktiviti libatsama dengan rakan strategik dan komuniti TVET tempatan dan antarabangsa.

Inisiatif utama:

1. Mewujudkan kerjasama dengan pemain-pemain utama industri.
2. Mewujudkan kerjasama dengan institusi/badan profesional/universiti tempatan dan luar negara yang terkemuka.
3. Menambah baik program sangkutan staf akademik bersama industri utama dan institusi ternama.

KPI: Bilangan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang memenuhi permintaan industri semasa.

Inisiatif utama:

1. Mewujudkan kerjasama dengan rakan pintar (dalam/luar UniMAP) dalam menawarkan program.
2. Menubuhkan jawatankuasa penasihat industri dalam pembangunan modul dan memperkasakan hubungan dengan industri.

Kerangka Pendidikan Fleksibel UniMAP (OS2)

Pendidikan secara fleksibel yang membolehkan sistem pendidikan direka bentuk semula seiring dengan perkembangan teknologi semasa dilihat antara agenda yang akan mencorakkan masa depan pendidikan tinggi negara. Kehidupan masyarakat pada hari ini telah banyak berubah dan perubahan tersebut turut mempengaruhi sistem pendidikan di negara ini khususnya pengajian tinggi.

KPI: Bilangan program/aktiviti berdasarkan Kerangka Pendidikan Fleksibel.

Inisiatif utama :

1. Membangun dan menawarkan 15 kursus micro-credential.
2. Membangunkan satu program ODL (membangunkan SIM/COPPA/COPTPA)
3. Membangunkan garis panduan *Credit Transfer Mechanism* (CTM) pembelajaran dalam talian.
4. Menubuhkan pusat APEL C & APEL Q.
5. Mengadakan semakan syarat kemasukan.
6. Menganjurkan kursus pembelajaran sepanjang hayat berteraskan komuniti.

KPI: Bilangan staf akademik tersedia untuk Kerangka Pendidikan Fleksibel.

Inisiatif utama:

1. Mengukur kompetensi digital staf akademik dan melaksanakan latihan/kursus berkaitan.
2. Membangun dan menambahbaik bahan pembelajaran digital.
3. Memperkasakan pedagogi digital dalam kalangan staf akademik.
4. Melatih staf akademik dalam mengendalikan Pentaksiran Autentik Berterusan (CAA) dalam talian.
5. Membantu dan melatih staf akademik dalam penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS).

Tenaga pengajar yang berkualiti (OS3)

Kecemerlangan sesebuah universiti boleh diukur melalui kualiti staf akademik dari sudut pengajaran, penyeliaan, mahupun penyelidikan. Pendekatan yang tepat perlu diguna pakai bagi memastikan tenaga pengajar di UniMAP mendapat latihan asas yang optimum bagi menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

KPI: Peratus program TVET yang memenuhi syarat minimum 30% tenaga pengajar yang mempunyai kompetensi/pensijilan profesional.

Inisiatif utama:

1. Meningkatkan bilangan tenaga pengajar yang memiliki pensijilan profesional yang diiktiraf.
2. Mengadakan kursus/latihan profesional di UniMAP.

Tenaga Pengajar yang Berkualiti (OS3)

KPI: Peratus program kejuruteraan yang memenuhi syarat minimum tenaga pengajar berkelayakan Jurutera Profesional (Ir).

Inisiatif utama:

1. Menyediakan insentif pembayaran yuran tahunan bagi kelayakan Ir.
2. Memperkasakan program mentoring.
3. Menggalakkan staf yang tiada pengalaman industri mengikuti skim sangkutan industri.
4. Memperkasakan Geran Insentif Penerbitan Jurutera Profesional.
5. Mengadakan taklimat kepada tenaga pengajar yang terlibat.

KPI: Peratus program teknologi yang memenuhi syarat 5% tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman industri minimum setahun.

Inisiatif utama:

1. Menggalakkan staf yang tiada pengalaman industri mengikuti skim sangkutan industri.
2. Menambahbaik skim sangkutan industri sedia ada.

Enrolmen pelajar yang mampan (OS4)

Kepakaan UniMAP dalam memberikan khidmat yang terbaik kepada para pelajar adalah penting. Persaingan antara IPT di Malaysia dengan kadar bilangan pelajar yang semakin meningkat, memerlukan UniMAP meningkatkan daya saing dalam usaha menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian di universiti ini.

KPI: Peratus pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian di peringkat prasiswazah.

Inisiatif utama:

1. Menambahbaik prasarana UniMAP (fasiliti dan utiliti).
2. Memperkasakan program jelajah promosi 'Jom Masuk UniMAP'.
3. Meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa dengan kerjasama ejen dan pihak kedutaan.
4. Mewujudkan jaringan kerjasama dengan pusat kaunseling sekolah/kolej komuniti/politeknik/kolej vokasional/matrikulasi bagi mengenal pasti prospektif (*feeder*) kepada program-program pengajian UniMAP.
5. Memperkasakan program kerjasama akademik dengan institusi dalam dan luar negara.
6. Memperkasakan jenama UniMAP melalui media komunikasi interaktif sebagai saluran hebahan maklumat.
7. Menambah baik polisi dan strategi berkaitan pemindahan kredit.
8. Memperkasakan Alumni sebagai ejen promosi (*Student Get Student Scheme*).

KPI: Bilangan pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian di peringkat pascasiswazah.

Inisiatif utama:

1. Membenarkan pembayaran yuran semester pertama secara ansuran.
2. Memperkasakan pelaksanaan program pengajian sedia ada menggunakan mod pendidikan fleksibel.
3. Meningkatkan bilangan GRA daripada sumber kewangan Universiti dan pengecualian yuran pada tahun pertama pengajian (untuk program mod penyelidikan).
4. Menawarkan program baharu peringkat Sarjana (mod kerja kursus) bagi setiap fakulti yang belum mempunyai program kerja kursus.
5. Menawarkan program baharu peringkat Sarjana (Mod ODL).
6. Menambah baik fasiliti kepada pelajar bagi meningkatkan indeks kepuasan pelajar.
7. Pendaftaran calon Alumni UniMAP dibenarkan tanpa surat tamat pengajian.
8. Memperkasakan program kerjasama akademik dengan institusi dalam dan luar negara.
9. Memperkasakan Alumni sebagai ejen promosi (*Student Get Student Scheme*).
10. Meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa dengan kerjasama ejen dan pihak kedutaan.
11. Mewujudkan program integrasi sarjana muda ke program sarjana.

KPI: Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa yang mendaftar untuk mengikuti pengajian di UniMAP.

Inisiatif utama :

1. Menggunakan khidmat ejen dan kerjasama pihak kedutaan untuk meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa.
 2. Menggunakan insentif kewangan melalui *Student Get Student Scheme*.
 3. Membenarkan pembayaran yuran pengajian mengikut semester bagi pelajar pra siswazah antarabangsa.
 4. Meningkatkan tahap kepuasan pelajar antarabangsa sepanjang keberadaan di UniMAP.
 5. Pemberian diskauun untuk kemasukan secara berkelompok melalui MOU/MOA.
 6. Membenarkan pembayaran yuran melalui kad kredit kepada pelajar antarabangsa.
 7. Menyediakan kolej kediaman khusus untuk pelajar antarabangsa.
 8. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter.
 9. Memperkasakan Pusat Sehenti Pelajar Antarabangsa (OSCI).
 10. Menawarkan program *Open and Distance Learning* (ODL) kepada pelajar antarabangsa.
 11. Mempelbagaikan mod pengajaran dan pembelajaran (PdP).
 12. Memperkasakan alumni antarabangsa sebagai ejen promosi.
 13. Memperkasakan jenama UniMAP melalui media komunikasi interaktif sebagai saluran hebahan maklumat.
-

Kemudahan dan Sistem Akademik Bertaraf Dunia (OS5)

Bagi Memperkasakan Agenda Pendigitalan yang merupakan salah satu fokus strategi Kementerian Pengajian Tinggi bagi tahun 2022, UniMAP melalui Objektif Strategik (OS) ini akan meningkatkan keberkesanannya pembelajaran secara maya dengan memanfaatkan teknologi digital yang akan memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai pelajar untuk mendapat akses kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP).

KPI: Bilangan fasiliti/kemudahan makmal yang menyokong proses pembelajaran terkini.

Inisiatif utama:

1. Menaik taraf Makmal Digital LEAD sedia ada kepada *Hyflex Classroom*.
2. Menaik taraf satu dewan kuliah untuk membolehkan pelaksanaan pembelajaran hybrid.
3. Menyediakan satu ruang/bilik kuliah pembelajaran digital di setiap fakulti.

PENYAMPAIAN ANUGERAH AKADEMIK NEGARA K 14



Teras Pemerkasaan Penyelidikan, Inovasi
dan Pengkomersialan

Teras: Pemerkasaan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (02)

KPI di bawah Teras ini adalah berdasarkan tiga objektif strategik (OS) iaitu:

OS1: Memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa

- a) Keterlihatan antarabangsa
- b) Penerbitan berimpak
- c) Sitasi Penerbitan

OS 2: Mengukuhkan ekosistem penyelidikan yang mampan

- a) Makmal penyelidikan terkehadapan
- b) Dana penyelidikan
- c) Penyelidik terbilang

OS 3: Pemacu inovasi dan pengkomersialan

- a) Harta intelek
- b) Pengkomersialan produk
- c) Pemacu teknologi

Memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa (OS1)

UniMAP mensasarkan untuk berada pada tahap 500 universiti di dunia dan berada pada tangga ke 200 universiti di Asia. Hal ini dapat diukur dengan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah digariskan dan dipacu bagi tujuan tersebut. Penyelidikan berkualiti tinggi dan mempraktikkan seluruh disiplin ilmu yang diwakili oleh pusat kecemerlangan, institut dan fakulti adalah penting untuk memastikan universiti mencapai penyelidikan bertaraf antarabangsa. Impak kecemerlangan penyelidikan di persada antarabangsa ini akan dipacu oleh empat (4) objektif strategik sebagai pengukur prestasi utama (KPI) universiti melalui inisiatif utama yang telah digariskan oleh universiti.

KPI

1. Bilangan kolaborasi penyelidikan antarabangsa (dengan MoU/MoA aktif)
2. Bilangan geran antarabangsa tahunan (baru)
3. Bilangan penerbitan bersama institusi antarabangsa
4. Bilangan penerbitan jurnal dan prosiding berindeks (Scopus/WoS/ ERA)
 - i. Bilangan penerbitan berindeks
 - ii. Bilangan penerbitan berkualiti dalam artikel berindeks WOS (Q1/Q2)
 - iii. Bilangan penerbitan buku dan bab buku penyelidikan
 - iv. Bilangan penerbitan lain (polisi, jurnal tak berindeks, artikel majalah, akhbar, media digital)
 - v. Bilangan sitasi

Inisiatif utama:

1. Menyediakan dana geran sepadan antarabangsa (INTERES).
 2. Memastikan setiap CoE/fakulti melantik pensyarah kunjungan penyelidikan antarabangsa.
 3. Menyediakan dana geran sepadan antarabangsa (INTERES).
 4. Membuat hebahan berkala mengenai maklumat dana antarabangsa melalui pelbagai media.
 5. Mengadakan sesi perkongsian dan amalan terbaik dalam kalangan staf akademik dalam memohon geran antarabangsa.
 6. Menggalakkan penyelidik menghasilkan penerbitan bersama dengan penyelidik dari luar negara.
 7. Membimbing (nurturing) penyelidik muda dengan mengadakan program mentor-mentee (PEER).
 8. Menyediakan dana bagi pemberian insentif dan pembiayaan yuran penerbitan.
 9. Mengadakan webinar berkaitan penulisan jurnal berimpak.
 10. Menggalakkan penyelidik menghasilkan penerbitan jurnal melalui Polisi Penerbitan Penyelidikan.
-

Inisiatif utama:

11. Menyediakan khidmat ‘proofreading’ dengan harga lebih rendah melalui kerjasama MoU dengan Enago.
 12. Menyediakan insentif penerbitan buku/bab buku.
 13. Mengadakan bengkel penulisan buku/ bab dalam buku .
 14. Mengadakan bengkel penerbitan laporan teknikal/ kajian kes.
 15. Menjadikan laporan teknikal sebagai KPI geran sepadan industri (UniPRIMA).
 16. Menggalakkan penyelidik menghasilkan penerbitan berbentuk 'review' yang mampu menarik sifasi yang tinggi.
 17. Menyediakan tatacara penerbitan dan menggalakkan penyelidik menghasilkan penerbitan jurnal melalui Polisi Penerbitan Penyelidikan.
 18. Mengawal aktiviti 'self-citation' secara keterlaluan melalui Polisi Penerbitan Penyelidikan
 19. Menganalisis bidang-bidang penyelidikan yang mendapat sifasi yang tinggi.
-

Mengukuhkan ekosistem penyelidikan yang mampan (OS2)

Objektif ekosistem penyelidikan yang mampan adalah memperkuat agenda penyelidikan dan inovasi, khususnya menjana persekitaran yang kondusif dan responsif untuk merealisasikan budaya penyelidikan kreativiti dan inovasi yang mantap dan berterusan. Hal ini amatlah penting bagi keperluan generasi penyelidik pada masa depan serta kesiapsiagaan negara untuk menjadi negara yang benar-benar ke hadapan sebagai pemangkin penyelidikan dan inovasi global. Lima (5) KPI akan memacu agenda ini. Peningkatan bilangan penyelidik utama, penambahan bilangan penyeliaan pascasiswazah, pengiktirafan makmal berakreditasi dan peningkatan jumlah perolehan geran akan mewujudkan ekosistem yang mampan, serta akan menyemarakkan budaya keunggulan penyelidikan serta menyumbang kepada pembangunan ilmu menerusi penyelidikan berimpak tinggi.

KPI

1. Bilangan makmal penyelidikan yang diiktiraf badan akreditasi
2. Bilangan geran penyelidikan (baru)
3. Nilai perolehan geran tahunan (RM)
4. Peratus penyelidik utama geran (PI) *geran aktif STAF 801
5. Nisbah penyeliaan pascasiswazah (PhD) bagi setiap staf akademik

Inisiatif utama:

1. Menyediakan dana bagi pengurusan dan pengiktirafan makmal penyelidikan oleh badan akreditasi.
 2. Hebaham berkala mengenai maklumat dana penyelidikan melalui pelbagai media.
 3. Mengadakan sesi perkongsian dan amalan terbaik dalam memohon geran penyelidikan.
 4. Membimbing (nurturing) penyelidik muda dengan mengadakan program mentor-mentee (PEER).
 5. Menyediakan dana geran dalaman.
 6. Mendapatkan pengiktirafan sebagai 'Approved Research Institute' daripada pihak Kementerian Kewangan bagi membolehkan penawaran pemotongan cukai dua kali (double tax deduction).
 7. Menyediakan inisiatif pemberian geran dalaman kepada Principle Investigator (PI) yang baharu.
 8. Membimbing (nurturing) penyelidik muda dalam memohon geran melalui program mentor-mentee (PEER).
 9. Menyediakan geran 'Graduate Research Assistant' (GRA)/ pascasiswa.
 10. Memastikan GRA dapat mengakses makmal yang kondusif secara optimum.
 11. Mengadakan insentif penyelidikan sebanyak 25 – 35% daripada yuran pengajian dipulangkan kepada penyelia dalam bentuk geran penyelidikan.
-

Pemacu inovasi dan pengkomersialan (OS3)

Objektif pemacu inovasi dan pengkomersialan adalah untuk melonjakkan penyelidikan dan inovasi universiti melalui aktiviti berpaksikan model *triple helix* iaitu akademia, industri dan masyarakat. Hal ini juga dikenali sebagai penyelidikan translasional yang menyumbang kepada penyelesaian masalah serta pembangunan penyelidikan kepada negara amnya serta universiti khususnya melalui kepakaran masing-masing. Penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan mampu untuk memperkasakan bakat dalam membudayakan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan penyelidik UniMAP agar dapat mencapai penyelidikan global selaras dengan lonjakan ketujuh dan kelapan PPPM (PT) 2015 – 2025. Hasil penyelidikan secara langsung akan menaikkan reputasi UniMAP sebagai salah sebuah universiti yang berwibawa yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia khususnya.

KPI

1. Bilangan pelesenan IP/jualan terus
 2. Nilai pendapatan kasar perlesenan/ jualan terus
 3. Bilangan kolaborasi penyelidikan bersama industri (dengan MoA aktif)
 4. Bilangan geran industri tahunan (baru)
 5. Bilangan syarikat *start-up/ spin-off*
-

Inisiatif utama:

1. Mengadakan sesi webinar bagi meningkatkan kesedaran kepentingan mendaftarkan harta intelek.
 2. Mengadakan bengkel pemfailan harta intelek.
 3. Menyediakan dana bagi pendaftaran paten dan IP lain.
 4. Menyediakan dana bagi peperiksaan substantive paten.
 5. Menyediakan Polisi bagi pengurusan harta intelek.
 6. Menyediakan dana geran pengkomersialan.
 7. Mengadakan sesi 'pitching' produk penyelidikan/ inovasi bersama industri (Industrial Pitching & Business Matching - IPBM).
 8. Menyediakan templat LOI sebagai ikatan awal bagi industri yang berminat untuk mengkomersialkan produk penyelidikan semasa menyertai pameran inovasi.
 9. Menyediakan dana geran sepadan dengan pihak industri atau agensi luar (UniPRIMA).
 10. Hebahann berkala mengenai maklumat dana industri melalui pelbagai media.
 11. Mengadakan sesi perkongsian amalan terbaik permohonan geran industry.
 12. Mendapatkan pengiktirafan sebagai 'Approved Research Institute' bagi membolehkan penawaran pemotongan cukai dua kali.
 13. Menyediakan polisi bagi pengurusan dan penubuhan syarikat *start-up/ spin-off*.
-



Teras Kesejahteraan Pelajar

Teras: Kesejahteraan Pelajar (03)

Pembangunan teras ini ialah berdasarkan kepada nilai teras Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) iaitu Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan dan berpandukan kepada Visi HEPA iaitu *Itizam melahirkan mahasiswa yang berilmu dan berketrampilan serta membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi Negara*. Rujukan juga dibuat kepada misi *Melahirkan mahasiswa yang berpersonaliti unggul dan holistik melalui kesepadan proses pembangunan insan yang berkualiti serta perkhidmatan yang cemerlang*.

HEPA bertekad menggembung segala sumber bagi mencapai Teras Kesejahteraan Pelajar yang menggariskan objektif strategik seperti berikut:

- OS1: Kampus mesra pelajar yang kondusif
 - OS2: Memperkasakan kebajikan & pengupayaan pelajar
 - OS3: Kemampanan ekosistem keusahawanan
 - OS4: Pemantapan kepimpinan dan pembangunan bakat pelajar
-

Kampus mesra pelajar yang kondusif (OS1)

Kampus mesra pelajar yang kondusif adalah manifestasi kepada kesungguhan dan komitmen UniMAP untuk menyediakan kemudahan yang terbaik kepada para pelajarnya. Hal ini merangkumi keseluruhan kehidupan sebagai seorang pelajar di kampus, baik dari sudut keselamatan, infrastruktur fizikal serta suasana pembelajaran yang terbaik. Suasana dan kemudahan yang terbaik sudah pastinya akan memberikan suatu inspirasi yang menyumbang kepada proses pembelajaran yang positif dan kesejahteraan pelajar.

KPI:

1. Tahap indeks kesejahteraan pelajar (peratus).
2. Bilangan ruang kegiatan pelajar (Student Centre / Student Lounge).
3. Bilangan kemudahan rekreasi baharu.

Inisiatif utama:

Meningkatkan kualiti infrastruktur pembelajaran, penginapan dan perkhidmatan seluruh kampus melalui inisiatif utama yang berikut:

1. Menambahbaik liputan Internet
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan staf
3. Meningkatkan kebersihan dan kemudahan tandas
4. Meningkatkan tahap interaksi & komunikasi dalam kalangan pelajar [Speaker's Corner, Dinamika Kumpulan]
5. Menyediakan infrastruktur yang lengkap
6. Menyediakan trek jogging dan hiking
7. Mewujudkan ruang latihan pengucapan awam berpusat

Memperkasakan kebijakan & pengupayaan pelajar (OS2)

Kebajikan dan pengupayaan pelajar sentiasa diutamakan dengan penyediaan pelbagai bantuan yang telah dan sedang diatur rancang bagi mensejahterakan kehidupan para pelajar. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah Insentif Khas Kasih UniMAP yang telah memberi manfaat kepada ramai pelajar terutamanya mereka dari golongan B40.

Dalam zaman yang semakin mencabar era pasca pandemik ini tentunya masalah kewangan dan sara hidup akan mengganggu rutin pembelajaran pelajar dari sudut emosi dan fizikal. Oleh itu, perancangan secara holistik yang telah digariskan bertujuan bagi memastikan kebijakan para pelajar ini sentiasa terjamin.

Program pembangunan kerjaya juga disusun atur dengan memberi fokus kepada aspek menyediakan pelajar sebagai pekerja selepas mereka tamat pengajian kelak. Ia juga menekankan kepada pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan kebolehan, minat dan pencapaian akademik pelajar. Proses ini bermula seawal kemasukan mereka ke tahun pertama pengajian sehingga ke tahun akhir merangkumi pengenalpastian minat melalui ujian psikologi, panduan pemilihan kerjaya, penulisan resume, pembentukan karakter diri, panduan temuduga serta kesediaan pelajar dari sudut emosi dan fizikal dalam menghadapi dunia kerjaya sebenar. Cabaran dunia kerjaya serta revolusi industri yang bergerak pantas memerlukan pelajar lebih bersedia serta cepat untuk beradaptasi dengan perubahan. Oleh itu, program-program pembangunan kerjaya pelajar dapat membantu mereka agar sentiasa relevan dengan pelbagai situasi dalam dunia pekerjaan.

KPI:

1. Jumlah dana untuk kebajikan pelajar (pelajar B40).
2. Peningkatan bilangan pelajar yang menerima bantuan.
3. Bilangan program penasihat dan khidmat kaunseling.
4. Bilangan program pembangunan kerjaya kepada pelajar.
5. Bilangan pelajar yang mengikuti sesi kaunseling / penasihat.
6. Bilangan penglibatan alumni dengan mendapatkan bantuan-bantuan kepada pelajar.

Inisiatif utama:

1. Meningkatkan sumber dana dan bantuan yang mampu kepada pelajar.
 2. e-tabung/apps, bank data pelajar bottom B40, buddy system.
 3. Pelaksanaan program kaunseling & kerohanian untuk pelajar.
 4. Pelaksanaan program pembangunan kerjaya untuk pelajar.
 5. Pelaksanaan sesi kaunseling individu dan kelompok kepada pelajar.
-

Kemampunan ekosistem keusahawanan (OS3)

UniMAP merupakan sebuah universiti awam yang telah kukuh, menjadikan agenda melahirkan siswazah berkualiti sebagai matlamat utama. Siswazah berkualiti dalam konteks ini ialah siswazah yang beraspirasi kebangsaan, kompeten, berdaya saing dan inovatif. Ia membawa maksud siswazah menghayati aspirasi kebangsaan, memiliki nilai etika, berilmu pengetahuan, kompeten, berdaya inovasi dan berdaya saing yang memenuhi keperluan negara dan masyarakat sejagat. Di samping itu, nilai-nilai keusahawanan turut diperkuatkan untuk lebih inovatif dan kreatif.

KPI:

1. Bilangan peluang pekerjaan
2. Ekosistem Keusahawanan
3. Bilangan Jaringan Keusahawanan
4. Keusahawanan Berteraskan Teknologi
5. Penjanaan Dana/Geran Keusahawanan
6. Bilangan penglibatan Alumni dalam program2 universiti / kebangsaan / antarabangsa

Inisiatif utama:

1. Mewujudkan unit keusahawanan HEP.
2. Mewujudkan latihan berkala dari tahun 1 hingga tahun 4.
3. Menyediakan infrastruktur keusahawanan.
4. Modal Awal Keusahawanan.
5. Mengenal pasti kumpulan sasaran yang berpotensi.
6. Menyediakan platform keusahawanan.
7. Mengembangkan bakat dan kemahiran keusahawanan.
8. Mengadakan kerjasama erat dengan agensi berkepentingan.
9. Menerapkan elemen dan ciri-ciri keusahawanan

Pemantapan kepimpinan dan pembangunan bakat pelajar (OS4)

Bakat kepimpinan pelajar sentiasa digilap bagi memastikan pembangunan potensi diri pelajar sentiasa diutamakan. Usaha menggalakkan penyertaan dan penglibatan pelajar pada pelbagai peringkat samada di universiti, negeri, negara dan antarabangsa adalah bertujuan mencapai perubahan diri yang positif, meningkatkan keyakinan diri, menyesuaikan diri dengan cabaran serta melatih pelajar agar lebih berdikari dalam membuat keputusan dan pilihan diri. Melalui platform ini, pelajar akan dibantu mengenal pasti potensi diri, serta cara mengembangkan potensi tersebut ke peringkat maksima agar mereka dapat membina personaliti ideal, berketerampilan, serta berdaya saing bukan sahaja semasa tempoh pembelajaran di universiti, malah selepas mereka bergraduasi dan menempuh alam pekerjaan serta kehidupan sehari-hari.

KPI:

1. Bilangan program yang dilaksanakan dan jumlah pelajar terlibat (program jati diri & kepimpinan pelajar).
 2. Penglibatan/ penyertaan pelajar di peringkat Universiti / Kebangsaan / antarabangsa.
 3. Pengiktirafan pelajar di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa.
 4. Bilangan penglibatan Alumni dalam program-program universiti / kebangsaan / antarabangsa.
-

Inisiatif utama:

1. Melaksana dan menganjurkan program jati diri dan kepimpinan pelajar
2. Menggalakkan penyertaan pelajar menyertai program/ aktiviti yang berimpak tinggi untuk memastikan universiti dapat mengesan dan memantau perkembangan pelajar
3. Meningkatkan jumlah pelajar yang menerima pengiktirafan/ memenangi anugerah di peringkat universiti/ kebangsaan/ antarabangsa.



Teras Pengantarabangsaan

Teras: Pengantarabangsaan (04)

Usaha untuk merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa menuntut penglibatan maksimum dan komitmen warga institusi pengajian tinggi, khususnya para akademik dan pelajar dalam pelbagai bentuk kegiatan di peringkat antarabangsa. Penyertaan staf dan pelajar dalam program mobiliti *inbound* dan *outbound* yang semakin meningkat, pertambahan enrolmen pelajar antarabangsa dan peningkatan bilangan program berimpak melalui jalinan kerjasama rakan strategik antarabangsa adalah antara petunjuk utama bahawa sesebuah institusi pengajian tinggi itu sedang giat melaksanakan agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi.

Selaras dengan inisiatif pengantarabangsaan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, UniMAP terus mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan melalui pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang. Impak pengantarabangsaan ini bukan sahaja akan dapat dinikmati oleh UniMAP, malah faedahnya akan turut dirasai oleh negeri Perlis. Dari sudut ekonomi, kesan pengganda daripada peningkatan bilangan pelajar antarabangsa terhadap ekonomi adalah besar.

Satu kajian di Amerika Syarikat mendapati bahawa, peningkatan 25% dalam enrolmen pelajar antarabangsa mampu menjana pertambahan pendapatan negara sebanyak USD10 billion, dan membuka 100,000 peluang pekerjaan baharu. Bukan itu sahaja, peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa juga akan membawa banyak manfaat kepada para pelajar, baik pelajar tempatan maupun pelajar antarabangsa itu sendiri.

Perbezaan bahasa, budaya dan nilai akan lebih mematangkan pelajar. Berada jauh daripada keluarga akan meningkatkan keyakinan diri, dan mengajar mereka untuk lebih berani membuat keputusan sendiri dan menjadikan mereka lebih berdikari. Selain memperoleh ilmu dan ijazah, mereka juga akan dapat memperbaiki dan meningkatkan kemahiran insaniah dari segi kemampuan berkomunikasi, kebolehan bekerja dalam kumpulan serta menyerlahkan bakat kepimpinan. Kemahiran seperti ini akan dapat meningkatkan peluang mereka untuk mudah diterima dalam alam pekerjaan setelah bergraduat kelak. Dalam mencapai hasrat untuk meningkatkan pencapaian dan prestasi agenda pengantarabangsaan di UniMAP, Teras Pengantarabangsaan telah menetapkan tiga objektif strategik seperti berikut:

- OS1: Keterlihatan antarabangsa yang terserlah
 - OS2: Pemerkasaan imej sebagai universiti antarabangsa
 - OS3: Persekutuan berorientasi global
-

Keterlihatan antarabangsa yang terserlah (OS1)

Keterlihatan antarabangsa yang terserlah menjadi objektif strategik utama bagi teras pengantarabangsaan UniMAP. Bagi objektif strategik ini, pengukuran dikira berdasarkan aspek penglibatan universiti dalam menyerlahkan jaringan antarabangsa melalui aktiviti berimpak dengan institusi pendidikan tinggi dan industri dari luar negara yang dilaksanakan setelah memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian persefahaman (MoA) ditandatangani.

Selain itu, bilangan pelajar dan staf yang menyertai program mobiliti antarabangsa *inbound* dan *outbound*, secara bersemuka dan *virtual* juga menjadi indikator kepada matlamat pencapaian keterlihatan antarabangsa yang terserlah. Hal ini kerana inisiatif mobiliti antarabangsa membenarkan peserta (pelajar dan staf) menerokai bidang ilmu atau sistem pendidikan yang berbeza dalam kalangan institusi pengajian tinggi, selain dapat memperluaskan hubungan antarabangsa dan pengalaman melalui pertukaran idea, ilmu dan kepakaran.

KPI:

1. Bilangan aktiviti pengantarabangsaan yang berimpak.
 2. Bilangan pelajar institusi luar negara yang menyertai program mobiliti *inbound* antarabangsa.
 3. Bilangan pelajar UniMAP yang menyertai program mobiliti *outbound* antarabangsa.
 4. Bilangan staf institusi luar negara yang menyertai program mobiliti *inbound* antarabangsa.
 5. Bilangan staf UniMAP yang menyertai program mobiliti *outbound* antarabangsa.
-

Inisiatif utama:

1. Melaksanakan kerjasama sedia ada dan mewujudkan kerjasama baharu dengan rakan-rakan strategik.
 2. Menganjurkan seminar dan persidangan antarabangsa dengan universiti antarabangsa terkemuka secara berstruktur dan berkala.
 3. Melaksanakan kerjasama dengan industri multi-nasional (dengan kerjasama CeiCNet).
 4. Mewujudkan insentif khas kewangan bagi setiap aktiviti UniMAP@Global.
 5. Menjalankan aktiviti strategik yang melibatkan alumni antarabangsa, pihak kedutaan dan rakan strategik UniMAP dengan kerjasama Fakulti, Pusat Pengurusan Akademik, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Perhubungan Alumni, Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar, Unit Promosi dan Pemasaran, *One Stop Centre for International Students* dan *International Students Club of UniMAP* bagi meningkatkan pengalaman pengantarabangsaan pelajar dan staf, serta meningkatkan bilangan penyertaan staf dan pelajar dalam mobiliti antarabangsa *inbound* dan *outbound*.
 6. Mengenal pasti, menggalakkan dan meningkatkan bilangan pelajar yang menyertai program secara bersemuka/ dalam talian melalui kerjasama dengan pihak fakulti bagi program mobiliti *inbound* dan *outbound* sama ada secara bersemuka/ dalam talian untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
 7. Bekerjasama rapat dengan pihak fakulti, AMC, RMC, dan COE untuk mengenalpasti, menggalakkan dan meningkatkan bilangan penyertaan staf bagi program mobiliti *inbound* dan *outbound* sama ada secara bersemuka/ dalam talian untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
-

Pemerkasaan imej sebagai universiti antarabangsa (OS2)

Pemerkasaan imej UniMAP sebagai sebuah universiti antarabangsa merupakan elemen penting dalam membina keterlihatan dan reputasi UniMAP seterusnya membantu mempromosi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan UniMAP. Imej yang terserlah akan memberi kelebihan kepada UniMAP dalam persaingan untuk mendapatkan pelajar antarabangsa serta dana dan peruntukan kewangan daripada kerajaan dan industri, meningkatkan peluang untuk mendapatkan geran penyelidikan seterusnya mampu menarik penyertaan pensyarah yang berkualiti dan berkaliber untuk menjadi tenaga pengajar dan penyelidik di UniMAP. Imej UniMAP dapat diperkasakan dari masa ke semasa melalui peningkatan kualiti semua pemegang taruh UniMAP yang merangkumi pihak pengurusan, pelajar, staf akademik dan pentadbiran, alumni; serta penambahbaikan yang berterusan terhadap program akademik dan kemudahan infrastruktur yang disediakan.

Berikutan pandemik COVID-19 yang menghadkan pergerakan manusia, pembelajaran secara dalam talian menjadi alternatif terbaik kepada proses P&P secara bersemuka. Justeru, dalam aspek pengantarabangsaan, bilangan program akademik yang dilaksanakan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi luar negara dalam pelbagai mod pembelajaran akan memacu UniMAP ke arah pemerkasaan imej sebagai sebuah universiti antarabangsa. Selain program mobiliti secara *virtual*, UniMAP akan lebih dikenali apabila mampu menawarkan program-program seperti *Edutourism*, *Twinning Programme*, *Credit Transfer Programme*, *Dual Degree Programme*, *Online Flexible Programme*, *Short Courses*, *Open and Distance Learning Programme (ODL)*, dan *Franchise* dan *Offshore Programme*.

Hasil pemerkasaan imej yang berkesan akan menarik kemasukan pelajar tempatan dan antarabangsa ke UniMAP seterusnya meningkatkan bilangan pelajar UniMAP, menggalakkan penglibatan aktif alumni dan mengukuhkan kerjasama dengan rakan strategik UniMAP dari dalam dan luar negara.

KPI:

1. Bilangan program akademik yang dilaksanakan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi luar negara dalam pelbagai mod pembelajaran.

Inisiatif utama:

1. Mengenal pasti rakan universiti antarabangsa yang berpotensi untuk bekerjasama dalam penawaran program.
 2. Menentukan program akademik/ kursus yang bersesuaian untuk ditawarkan kepada rakan universiti antarabangsa.
 3. Menentukan bilangan pelajar dan staf yang akan terlibat dalam penawaran program.
 4. Meningkatkan kualiti infrastruktur dan infostruktur bagi memenuhi keperluan program.
 5. Memperkasakan kualiti tenaga pengajar dan meningkatkan kompetensi staf pentadbiran.
 6. Memperkasakan alumni antarabangsa sebagai ejen promosi untuk mewar-warkan penawaran program di UniMAP.
 7. Memperkasakan media komunikasi interaktif sebagai saluran utama dalam mempromosikan program yang ditawarkan di UniMAP.
-

Persekutaran berorientasi global (OS3)

Pengalaman antarabangsa dikaitkan secara langsung dengan proses globalisasi. Persekutaran berorientasi global menjadi objektif strategik terakhir bagi teras Pengantarabangsaan UniMAP 2025. Mengantarabangsaikan pengalaman pelajar dan kampus merujuk kepada usaha yang dilakukan untuk mewujudkan persekitaran kampus yang bersifat global. Persekutaran berorientasi global dapat diukur melalui jumlah aktiviti yang dapat memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar dan staf di UniMAP.

KPI:

1. Bilangan aktiviti yang memberi pendedahan kepada pelajar dan staf UniMAP.

Inisiatif utama:

1. Menjemput penceramah antarabangsa untuk perkongsian ilmu.
2. Mempelbagaikan aktiviti dan program yang boleh mengkayakan pengalaman pelajar dan staf seperti penganjuran *summer programme*, *short courses*, aktiviti sukan dan temasya kebudayaan dengan melibatkan staf dan pelajar daripada pelbagai negara, kaum, bangsa dan budaya.



Teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti



Teras: Libat sama dan pembangunan komuniti (05)

UniMAP for Society merupakan satu tanggungjawab dan agenda universiti dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat melalui program pemindahan ilmu yang berteraskan transdisiplin bagi mensejahterakan masyarakat. Pendekatan transdisiplin memberi ruang yang luas kepada kepelbagaian bidang ilmu yang diintergrasikan bagi menyelesaikan isu dalam masyarakat.

Teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti sebagai salah satu pemangkin utama Pelan Strategik UniMAP 2025 menfokuskan kepada pembangunan ilmu menerusi projek dan penyelidikan komuniti berimpak tinggi. Selain itu, penglibatan staf dari Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Fakulti serta pelajar dapat digembangkan dalam melaksanakan projek USR berimpak tinggi melalui pelaksanaan program *Service Learning Malaysia University for Society* (SULAM) yang dapat mengkomersialkan idea-idea atau inovasi baharu untuk mendorong transformasi sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Dalam mencapai hasrat ini, teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti telah menetapkan dua objektif strategik (OS):

OS1 : Pembudayaan tanggungjawab sosial yang mampan

OS2 : Memacu kesejahteraan komuniti

Pembudayaan tanggungjawab sosial yang mampan (OS1)

Mengintegrasikan penyelidikan dan pendidikan melalui Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) yang mampan ke arah pembangunan komuniti yang sejahtera.

KPI: Bilangan projek USR-SULAM yang dilaksanakan

Inisiatif utama:

1. Mengadakan promosi USR-SULAM kepada staf dan pelajar: Mewujudkan kesedaran umum dalam kalangan staf dan pelajar dalam penyertaan projek-projek komuniti.
2. Mengenal pasti kumpulan sasaran komuniti: Penyertaan komuniti adalah sangat penting dalam menjayakan dan melaksanakan sesebuah projek komuniti. Penglibatan secara menyeluruh dapat meningkatkan kemahiran dan rangkaian sosial pembangunan dan kesejahteraan komuniti.
3. Mewujudkan kerjasama dengan pemimpin setempat: Jalinan kerjasama dengan pemimpin setempat akan memberi impak yang lebih baik dan efektif kepada pelaksanaan projek komuniti. Oleh itu, pemimpin setempat digalakkan untuk bersama-sama dengan komuniti dalam membantu dan memberi sokongan moral, kewangan dan khidmat nasihat.
4. Meningkatkan projek keusahawanan dan kesukarelawan pelajar: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam projek keusahawanan sebagai salah satu sasaran pembangunan negara berkualiti yang memberi manfaat kepada komuniti dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada pelajar.

KPI: Peratusan program pengajian yang terlibat dalam program SULAM - *Service Learning Malaysia University for Society*

Inisiatif utama:

1. Mengenal pasti program dan kursus yang bersesuaian untuk melaksanakan SULAM peringkat Fakulti: Kenal pasti projek dan menganalisis hasil keberkesanan projek yang telah dilaksanakan efektif dan mencapai objektif.
2. Mengenal pasti kumpulan sasaran komuniti: Penyertaan komuniti adalah sangat penting dalam menjayakan dan pelaksanaan sesebuah projek komuniti. Penglibatan secara menyeluruh dapat meningkatkan kemahiran dan rangkaian sosial pembangunan dan kesejahteraan komuniti.
3. Menjalankan kajian keberkesanan pelaksanaan projek SULAM kepada pelajar dan komuniti: Melihat keberkesanan projek dari segi perubahan yang dicapai seperti perubahan pengetahuan, kemahiran dan sikap kepada pelajar dan komuniti.

KPI: Bilangan penyertaan ahli komuniti dalam projek USR-SULAM

Inisiatif utama:

1. Mengenal pasti kumpulan sasaran komuniti: Penyertaan komuniti adalah sangat penting dalam menjayakan dan pelaksanaan sesebuah projek komuniti. Melalui penglibatan secara menyeluruh dapat meningkatkan kemahiran dan rangkaian sosial pembangunan dan kesejahteraan komuniti.
2. Mewujudkan kerjasama dengan pemimpin setempat: Jalinan kerjasama dengan pemimpin setempat akan memberi impak yang lebih baik dan efektif kepada pelaksanaan projek komuniti. Oleh itu, pemimpin setempat digalakkan untuk bersama-sama dengan komuniti dalam membantu dan memberi sokongan moral, kewangan dan khidmat nasihat.

KPI: Bilangan penyertaan pelajar dalam projek USR-SULAM

Inisiatif utama:

1. Mengadakan promosi USR-SULAM kepada pelajar: Mewujudkan kesedaran umum dalam kalangan pelajar dalam penyertaan projek-projek komuniti.
2. Meningkatkan projek keusahawanan dan kesukarelawan pelajar: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam projek keusahawanan sebagai salah satu sasaran pembangunan negara berkualiti yang memberi manfaat kepada komuniti dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada pelajar.

KPI: Bilangan penyertaan staf dalam projek USR-SULAM

Inisiatif utama:

1. Mengadakan promosi USR-SULAM kepada pelajar: Mewujudkan kesedaran umum di kalangan staf dalam penyertaan projek-projek komuniti.

KPI: Bilangan industri/agensi yang terlibat dalam projek USR-SULAM

Inisiatif utama:

1. Memasukkan terma kerjasama dan penglibatan industri/agensi dalam Program UniMAP for Society melalui MoU/MoA yang ditandatangani: Kolaborasi antara industri/agensi diperlukan terutamanya yang melibatkan perkongsian kepakaran dan pendanaan bagi memastikan projek USR berimpak tinggi dapat dicapai dan memenuhi konsep *Quadruple Helix*.

KPI: Nilai (RM) dana yang diperolehi daripada industri/agensi dalam projek USR-SULAM

Inisiatif utama:

1. Mewujudkan kerjasama dengan industri/ agensi yang menawarkan dana dan kepakaran bagi pelaksanaan projek komuniti: Industri/agensi sebagai rakan strategik yang menyumbang sumber dana/ peruntukan dan kepakaran dalam pelaksanaan projek komuniti dapat membantu mencapai objektif projek.

Memacu kesejahteraan komuniti (OS2)

Penglibatan dan kerjasama erat antara pihak akademia, komuniti dan organisasi luar melalui Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Programme* - KTP) dapat meningkatkan kualiti hidup komuniti serta hala tuju penyelidikan yang perlu sejajar dengan cabaran dan mengupas persoalan yang dihadapi oleh komuniti setempat dengan mengintegrasikan penyelidikan dan pendidikan ke arah pembangunan komuniti sejahtera yang menyumbang kepada kemakmuran negara.

Inisiatif utama:

Projek penyelidikan dan pengembangan universiti kepada komuniti dengan kepakaran staf melalui Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Programme* – KTP) dengan lebih berkesan serta berimpak tinggi bagi mewujudkan kesejahteraan komuniti.

KPI: Bilangan geran penyelidikan komuniti

Inisiatif utama:

1. Pemberian geran dalaman: Inisiatif untuk menjayakan aktiviti pemindahan ilmu dan pengembangan universiti melalui penyelidikan dan inovasi yang mantap serta berterusan.
2. Mewujudkan kerjasama dengan agensi yang menawarkan geran komuniti: Penglibatan agensi membantu meningkatkan dan memberi impak yang besar kepada pembangunan komuniti inklusif.
3. Meningkatkan jumlah penyelidikan realistik yang menyelesaikan permasalahan sebenar: Projek penyelidikan yang dirancang dan dilaksanakan untuk pembangunan komuniti oleh pihak universiti melalui libat sama pihak komuniti yang disasarkan dapat memberi manfaat kepada komuniti.

KPI: Bilangan projek komuniti yang mempunyai ciri kelestarian dan berinovasi

Inisiatif utama:

1. Melaksanakan pengukuran Penilaian Memasyarakatkan Universiti: Pengumpulan data sebagai rujukan universiti bagi menggalakkan perkongsian maklumat dan kolaborasi antara universiti dalam memberi impak terhadap masyarakat.
2. Menetapkan KPI bagi Fakulti untuk tahun semasa: Strategi dan sasaran/ tahunan semasa Fakulti ditetapkan sebagai panduan untuk melaksanakan projek komuniti.

KPI: Bilangan penyertaan ahli komuniti dalam projek komuniti berimpak tinggi

Inisiatif utama:

1. Mengenal pasti kumpulan sasaran komuniti: Penyertaan komuniti adalah sangat penting dalam menjayakan/ pelaksanaan sesebuah projek komuniti. Melalui penglibatan secara menyeluruh dapat meningkatkan kemahiran dan rangkaian sosial pembangunan dan kesejahteraan komuniti.
2. Mewujudkan kerjasama dengan pemimpin setempat: Jalinan kerjasama dengan pemimpin setempat akan memberi impak yang lebih baik dan efektif kepada pelaksanaan projek komuniti. Oleh itu, pemimpin setempat digalakkan untuk bersama-sama dengan komuniti dalam membantu dan memberi sokongan moral, kewangan dan khidmat nasihat.

KPI: Bilangan penyertaan staf dalam projek komuniti berimpak tinggi

Inisiatif utama:

1. Menggalakkan penyertaan staf akademik daripada pelbagai bidang dalam projek berimpak tinggi: Penglibatan staf akademik secara menyeluruh dapat meningkatkan kemahiran dan rangkaian sosial pembangunan dan kesejahteraan komuniti.

KPI: Bilangan industri/ agensi yang terlibat dalam projek komuniti berimpak tinggi

Inisiatif utama:

1. Memasukkan terma kerjasama dan penglibatan Industri/Agenzi dalam Program UniMAP for Society melalui MoU/MoA yang ditandatangani: Kolaborasi antara Industri/Agenzi diperlukan terutamanya yang melibatkan perkongsian kepakaran dan pendanaan bagi memastikan projek komuniti berimpak tinggi dapat dicapai dan memenuhi konsep *Quadruple Helix*.

KPI: Nilai (RM) dana yang diperolehi daripada industri/agensi dalam projek komuniti berimpak tinggi

Inisiatif utama:

1. Mewujudkan kerjasama dengan industri/agensi yang menawarkan dana dan kepakaran bagi pelaksanaan projek komuniti: Industri/agensi sebagai rakan strategik yang menyumbang sumber dana/peruntukan dan kepakaran dalam pelaksanaan projek komuniti dapat membantu mencapai objektif projek.

KPI: Peratusan Indeks Kesejahteraan Komuniti

Inisiatif utama:

1. Menjalankan penilaian awal dan penilaian akhir pelaksanaan projek komuniti: Dengan mengadakan penilaian secara bersemuka bersama peserta dan penyelidik, isu-isu dapat dikenal pasti dan melihat impak atau bukti pelaksanaan projek.
2. Melaksanakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) projek komuniti: Lanjutan daripada penilaian awal dan akhir yang dilaksanakan secara berkala, penyelidik dapat melakukan penambahbaikan terhadap projek berdasarkan cadangan atau komen yang diberikan oleh penilai agar objektif pelaksanaan projek berjaya dicapai seperti peningkatan taraf hidup komuniti.



Teras Kecemerlangan Bakat

Teras: Kecemerlangan Bakat (06)

Teras ini bertujuan mengenal pasti dan membangunkan bakat staf melalui pelbagai inisiatif dan strategi melalui dua objektif strategik (OS):

OS1: Meningkatkan profesionalisme staf universiti dan Program Pembangunan Profesional Berterusan Staf (Continuous Professional Development - CPD)

OS2: Memperkasakan pembangunan bakat dan pengupayaan universiti

OS3: Mengukuhkan kelompok bakat kepimpinan

Pihak Universiti juga telah mengenal pasti 4 Kerangka Kompetensi yang perlu dimiliki oleh setiap staf melalui pelbagai pelaksanaan modul latihan dan pembangunan seperti berikut:

1. Kompetensi Teras
 2. Kompetensi Profesional
 3. Kompetensi Fungsional
 4. Kompetensi Kepimpinan
-

Meningkatkan profesionalisme staf universiti & Program Pembangunan Profesional Berterusan Staf (OS1)

Mencemerlangkan bakat staf tanpa mengira latar belakang kumpulan perkhidmatan merupakan agenda utama nasional dan menjadi tanggungjawab universiti untuk merealisasikannya. Bakat cemerlang staf bukan hanya boleh diukur melalui Pencapaian Laporan Prestasi Tahunan tetapi melalui kompetensi yang telah diperkenalkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sejak duhulu lagi. UniMAP telah mengambil peranan untuk menggilap bakat staf melalui penilaian yang disusuli dengan program latihan dan pembangunan berteraskan kompetensi. Kompetensi yang dibangunkan adalah selari dengan nilai teras Universiti dan Pelan Strategik jangka panjang bagi memastikan setiap staf universiti bekerja ke arah mentaliti dan daya saing yang berfokus kepada agenda universiti. Hal ini sekaligus memudahkan Misi dan Visi Universiti dicapai secara komprehensif pada semua peringkat staf tanpa mengira skim dan gred.

Bagi menggalakkan proses pembelajaran sepanjang hayat selain program pembangunan dan latihan yang dianjurkan oleh pihak Universiti, setiap aktiviti yang mampu meningkatkan kompetensi yang dihadiri oleh staf sepanjang berkhidmat di UniMAP, sama ada di dalam dan luar Universiti, seperti aktiviti penyelidikan, sukan, perkongsian kepakaran dan keilmuan, termasuk tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti akan diambil kira sebagai mata CPD.

Selain itu, staf juga digalakkan untuk mendapat pengalaman industri dan memiliki sijil profesional seperti Ir dan Ts.

KPI:

1. Peratus staf akademik yang mempunyai kelayakan Technologist (Ts)
2. Peratus staf akademik yang mempunyai kelayakan Jurutera Profesional (Ir)
3. Peratus staf akademik yang mempunyai minimum 3 tahun pengalaman industri
4. Peratus (%) staf pelaksana yang telah mencapai mata CPD berteraskan kompetensi
5. Peratus (%) staf pentadbir yang telah mencapai mata CPD berteraskan kompetensi
6. Peratus (%) staf akademik yang telah mencapai mata CPD berteraskan kompetensi

Inisiatif utama:

1. Melaksanakan program latihan berteraskan set kompetensi teras, profesional dan fungsional , program sangkutan dan penyertaan sijil profesional serta merekodkan penyertaan kursus/latihan/program sumbangan yang mematai set kompetensi universiti.

Memperkasakan pembangunan bakat dan pengupayaan universiti (OS2)

Dalam mengupayakan universiti dan meningkatkan kapasiti kecemerlangan akademik, OS ini memfokuskan sasaran 70% staf akademik yang berkelayakan PhD dalam masa tiga tahun dari sekarang dan mereka juga akan menjadi PI di setiap Fakulti. Manakala dalam merencanakan keterlihatan UniMAP di peringkat antarabangsa, UniMAP wajar memiliki sekurang-kurang 5% staf akademik antarabangsa.

KPI:

1. Peratus staf akademik yang berkelayakan PhD
2. Peratus staf akademik antarabangsa

Inisiatif utama:

1. Mensyaratkan staf akademik sedia da yang belum mempunyai PhD untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD
2. Mempromosikan UniMAP dan mencari staf akademik dari luar negara yang berkelayakan untuk menjadi staf UniMAP

Memperkasakan pembangunan bakat dan pengupayaan universiti (OS2)

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2006 (Panduan Mewujudkan *Search Committee* dan Proses Pelaksanaan Pelan Penggantian) bertujuan untuk menyediakan panduan mewujudkan *Search Committee* dan proses pelaksanaan Pelan Penggantian (*Succession Planning*) yang lebih mantap berkaitan mekanisma sedia ada dalam melaksanakan pemilihan pegawai-pegawai di Gred 48 dan ke atas bagi mengisi jawatan-jawatan strategik. Pekeliling ini selaras dengan Dasar Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) tahun 2007 – Agenda ke-4 : Memperkasakan Kepimpinan dan Memperkuuhkan Pelan Penggantian Pengajian Tinggi. Kompetensi kepimpinan diimplementasi melalui latihan serta dinilai tahap pencapaian masing-masing.

Kepimpinan organisasi di semua peringkat struktur pentadbiran perlu mempunyai kesinambungannya. Hal ini amat penting bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian pemimpin universiti agar barisan pelapis berjaya disediakan setelah melalui pelbagai latihan dan program pembangunan. Kumpulan ini akan dimasukkan ke dalam kelompok bakat sebagai calon sedia (*ready talent*) bagi setiap jawatan yang mempunyai peranan strategik. Kesemua staf ini akan melalui proses pemprofilan melalui kaedah yang sistematik dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan dan juga pencapaian tertinggi.

KPI:

1. Peratus staf akademik yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan universiti.
2. Peratus staf pentadbir yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan universiti.
3. Bilangan staf akademik yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan anjuran AKEPT/Organisasi luar.
4. Bilangan staf pentadbir yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan anjuran AKEPT/Organisasi luar.
5. Bilangan program kepimpinan universiti yang dianjurkan.

Inisiatif Utama :

1. Melaksanakan *Leadership Talk Series (LTS), University Executive Programme (UEP), Institutional Development Programme (IDP)* dan *Individual Assessment Programme (IAP)* melibatkan staf akademik dan pentadbir dalam kelompok bakat (sekali setahun)
 2. Melaksanakan penilaian, pemprofilan dan pemantauan staf akademik yang telah melalui program pembangunan kepimpinan dan pencapaian tahap kompetensi teras, profesional, fungsional dan kepimpinan untuk jawatan strategik
 3. Melaksanakan penilaian, pemprofilan dan pemantauan staf akademik yang telah melalui program pembangunan kepimpinan dan pencapaian tahap kompetensi teras, profesional, fungsional dan kepimpinan untuk jawatan strategik.
-

Sub-inisiatif:

1. Melaksanakan *Leadership Talk Series (LTS)* melibatkan staf akademik dan pentadbir dalam kelompok bakat (sekali setahun).
2. Melaksanakan *University Executive Programme (UEP)* melibatkan staf akademik dan pentadbir dalam kelompok bakat (sekali setahun).
3. Melaksanakan *Institutional Development Programme (IDP)* melibatkan staf akademik dan pentadbir dalam kelompok bakat (sekali setahun).
4. Melaksanakan *Individual Assessment Programme (IAP)* melibatkan staf akademik dan pentadbir dalam kelompok bakat (sekali setahun).



Teras Pemantapan Infrastruktur

Teras: Pemantapan infrastruktur (07)

Teras Pemantapan Infrastruktur memfokus kepada penyediaan ekosistem untuk kampus pintar yang mampan. Hal ini akan dapat membantu teras strategik lain termasuk teras Pengukuhan Akademik, teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, serta agenda Pembangunan Insan. Hal ini juga adalah selari dengan skop tugas semua jabatan/unit yang menjadi ahli kepada Teras Pemantapan Infrastruktur iaitu Jabatan Pembangunan, DMDC, Jabatan Keselamatan and COSCEM. Strategi yang dibina mengintegrasikan semua inisiatif yang dilaksanakan oleh kesemua jabatan/unit ini sebagai satu pelan tindakan yang komprehensif, bertujuan memastikan UniMAP tetap kompetitif untuk landskap institusi pengajian tinggi moden.

Salah satu cabaran bagi Teras Pemantapan Infrastruktur adalah untuk menyelaras kepelbagaian jenis tugas yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan berlainan di bawah teras ini. Kerja-kerja yang dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan juga terikat dengan projek-projek di bawah RMK. Oleh itu, strategi yang akan dilaksana adalah dengan mengintegrasikan usaha yang telah sedia dirancang bersama projek RMK bersama dengan inisiatif baru. Hal ini merangkumi kerangka kerja-kerja *Smart Campus* di bawah Jabatan Pembangunan, DMDC, Jabatan Keselamatan and serta kerja-kerja Kampus Lestari di bawah COSCEM.

Pelan strategik ini menyenaraikan inisiatif-inisiatif yang menitikberatkan amalan hijau dan mampan. Juga pada masa yang sama, pelan ini mengintegrasikan penyelesaian yang pintar untuk menghasilkan ekosistem yang kondusif untuk mempromosikan kecemerlangan dan mencapai kampus pintar yang melaksanakan amalan mampan. Strategi implementasi aplikasi baharu akan digunakan bagi memperbaiki aplikasi sedia ada dan diintegrasikan dengan sistem asal sedia ada.

Pelan strategik ini akan dapat membantu UniMAP dalam:

- mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, SDGs)
- menjadi kampus yang lebih pintar
- menjadi kampus yang lebih mampan

Strategi pelaksanaan inisiatif strategik

Secara keseluruhannya, kerja pembangunan ke arah Kampus Pintar Mampan dibahagi kepada tiga (3) fasa, iaitu:

- i. Fasa Pertama: Pembangunan pelantar sokongan Kampus Pintar
- ii. Fasa Kedua: Implementasi sistem aplikasi teras
- iii. Fasa Ketiga: Memperdalam sistem informasi komprehensif

Hal ini akan mengambil kira inisiatif baru serta semua perkara yang telah dirancang dan terletak di bawah skop Kampus Pintar yang mampan.

Fasa Pertama (2022-2023)

Dalam Fasa Pertama, inisiatif strategik yang utama adalah membangunkan info/infrastruktur bagi membolehkan pelaksanaan kampus pintar. Perancangan ini termasuk pembangunan pelantar yang akan menyokong pelaksanaan kampus pintar. Hal ini merangkumi kerja-kerja sambungan yang telah dirancang oleh jabatan-jabatan yang berada di bawah teras ini (JP, DMDC, JK and COSCEM). Dan termasuk perancangan bagi Kampus Pauh Putra di bawah RMK.

Fasa Kedua (2024-2025)

Fasa ini akan melibatkan pembangunan sistem pintar yang menggunakan pelantar yang tersedia dari Fasa Pertama. Juga akan merangkumi kerja-kerja pembangunan yang telah dirancang di bawah RMK. Bagi fasa ini, pengutipan data berkenaan sistem serta peranti pintar akan dilaksana.

Fasa Ketiga (Melangkaui 2025)

Fasa ini akan melibatkan pengoptimuman data yang telah dikumpul dalam Fasa Kedua.

Seperti yang dinyatakan di atas, kepelbagaian skop kerja di bawah teras ini memerlukan pengkhususan dari segi pelaksanaan. Dalam mencapai hasrat ini, Teras Pemantapan Infrastruktur telah menetapkan dua (2) Objektif Strategik (OS). Objektif Strategik yang pertama mewakili skop kerja yang dilaksana oleh Jabatan Pembangunan, DMDC dan Jabatan Keselamatan, dan yang kedua oleh COSCEM.

OS1: Menuju implementasi kampus pintar (*Towards implementation of smart campus*)

OS2: Menuju kampus UniMAP yang mampan (*Towards sustainable UniMAP campus*)

Menuju implementasi kampus pintar (OS1)

Objektif strategik ini melibatkan skop kerja-kerja pembangunan infostruktur dan infrastruktur yang diperlukan bagi membina dan melaksana Kampus Pintar. Hal ini merangkumi ruang-lingkup tugas melibatkan Jabatan Pembangunan, DMDC dan Jabatan Keselamatan. Pelaksanaannya adalah dengan mengintegrasikan usaha yang telah sedia dirancang bersama projek RMK bersama dengan inisiatif-inisiatif baharu.

KPI

1. Peratusan kesediaan infostruktur pelaksanaan Smart Campus
2. Peratusan kesediaan infrastruktur pelaksanaan Smart Campus
3. Peratusan implementasi Aplikasi Pintar
4. Peratusan liputan pengawasan kawasan terbina (*built-up areas*)
5. Peratusan liputan kawasan pengawasan (Kampus Pauh Putra)

Inisiatif utama:

1. Meningkatkan capaian internet meliputi kampus UniMAP.
 2. Memastikan keperluan data-data yang masih belum didigitalkan.
 3. Integrasi sistem membolehkan aplikasi *smart building* dalam projek pembangunan (penderia, BAS, IBS, *Green System Implementation, Rain Water Harvesting System*).
 4. Mengintegrasikan sistem/peranti cekap tenaga
 5. Mengintegrasikan data universiti kedalam platform dashboard.
 6. Penggunaan teknologi (CCTV dan dron) bagi pengawasan kawasan kampus
-

Menuju kampus UniMAP yang mampan (OS2)

Objektif strategik ini merangkumi kerangka kerja-kerja *Sustainable Campus* di bawah COSCEM. Hal ini sejajar dengan ruang-lingkup tugas COSCEM dan akan memperkasa UniMAP demi mencapai kampus yang benar-benar melaksana pengoperasian kampus yang mampan. Seperti OS1 juga, inisiatif-inisiatif di bawah OS2 ini juga mengintegrasikan kerja-kerja yang telah dirancang oleh COSCEM seperti *UniMAP Climate Action Plan* dan aktiviti-aktiviti lain bagi membolehkan UniMAP memenuhi keperluan *Sustainable Development Goals* (SDG).

KPI:

1. Bilangan warga UniMAP yang terlibat dalam aktiviti membudayakan amalan kelestarian.
2. peratus pelaksanaan kemampanan universiti mengikut blueprint bagi *UniMAP Climate Action Plan*
3. Jumlah kawasan tumbuhan yang ditanam (Total area in planted vegetation)

Inisiatif utama:

1. Pengenalan kepada *Climate Action Plan* kepada Universiti.
2. Memperkenal dan memperkasa amalan kelestarian
3. Penggunaan *Green Infrastructure* dalam pembangunan landskap.
4. Menghijaukan kampus



Teras Kelestarian Kewangan

Teras: Kelestarian Kewangan (08)

Kewangan merupakan satu daripada pemangkin utama dalam menyokong kelangsungan sesebuah organisasi. Kini, dengan kos yang semakin meningkat, institusi pengajian tinggi perlu melipatgandakan usaha bagi memastikan kelangsungan dan kecemerlangan Universiti tidak terjejas. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mensyaratkan setiap Universiti awam di Malaysia perlu menjana pendapatan sendiri bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan operasi masing-masing di samping mengurangkan kebergantungan penyaluran peruntukan daripada Kerajaan. Selain itu, Lonjakan 5 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Kemampanan Kewangan, menyatakan bahawa IPT di Malaysia perlu berusaha mendapatkan sumber pendapatan tambahan sebagai alternatif untuk menjadi sebuah institusi pendidikan awam yang lebih fleksibel, kukuh, dan mampan dari segi pengurusan kewangan mereka. Dalam masa yang sama ianya memberi peluang yang luas kepada IPT untuk menjalin kerjasama dengan industri-industri berkaitan demi manfaat bersama.

Dalam mencapai hasrat ini, Teras Kelestarian Kewangan telah menetapkan Strategik Objektif (OS) iaitu:

OS1 : Pengukuhan Sumber Kewangan

KPI:

1. Nilai pendapatan yang dijana melalui program akademik (yuran pengajian akademik)
 2. Nilai pendapatan yang dijana melalui program profesional akademik. (cth:PDCE/FTKE/FTKEN/DLL)
 3. Nilai pengewangan aset (sedia ada)
 4. Nilai penjanaan melalui syarikat universiti (dividen)
 5. Nilai dana wakaf yang diperolehi
 6. Nilai dana endowmen yang diperolehi
 7. Nilai dana zakat yang diperolehi
 8. Nilai penjanaan Pusat Tanggungjawab/Universiti
 9. Nilai penjanaan hadiah yang diperolehi
-

RUMUSAN KPI TERAS PENGUKUHAN AKADEMIK

Institusi TVET yang ternama (OS1)

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
1	Peratus program TVET yang ditawarkan.	Penganjuran bersama short courses yang diiktiraf oleh agensi/industri terlibat.	(Bilangan program TVET yang ditawarkan/jumlah keseluruhan program di UniMAP) x 100
2	Bilangan kursus/program yang memberi nilai tambah kepada kompetensi pelajar.	Penganjuran bersama short courses (berkaitan teknologi pertanian) yang diiktiraf oleh agensi/industri terlibat.	Bilangan program yang dijalankan bersama agensi terlibat.
3	Bilangan aktiviti libatsama dengan rakan strategik dan komuniti TVET tempatan dan antarabangsa.	Aktiviti penanda aras berterusan berkaitan dengan kualiti kurikulum TVET di UniMAP, merujuk kepada standard praktis kurikulum TVET diperingkat antarabangsa atau penawaran program TVET di institusi/badan profesional/universiti luar negara.	Bilangan libatsama dengan rakan strategik dan komuniti TVET antarabangsa. (kumulatif)
4	Bilangan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang memenuhi permintaan industri semasa	Penawaran program persijilan berbentuk upskilling, profesional, kursus jangka pendek dan kursus jangka panjang. Program yang tidak memerlukan akreditasi.	Bilangan program PSH yang ditawarkan dalam setahun (kumulatif)

Kerangka Pendidikan Fleksibel UniMAP (OS2)

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
1	Bilangan program/aktiviti berdasarkan Kerangka Pendidikan Fleksibel.	Pelaksanaan program dan aktiviti yang menyokong Kerangka Pendidikan Fleksibel, juga berfokus kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi)	Bilangan program/kursus dibangunkan dan dilaksanakan (kumulatif).
2	Bilangan staf akademik tersedia untuk Kerangka Pendidikan Fleksibel.	Pembangunan latihan staf akademik berteraskan kompetensi digital bagi menyokong agenda Kerangka Pendidikan Fleksibel.	Bilangan staf akademik menyertai program/latihan berteraskan kompetensi digital (kumulatif).
3	Bilangan program 2u2i/3u1i [OBB]	Program akademik yang menggunakan Mod Pengajian Industri (2u2i /3u1i) yang menggabungkan pembelajaran akademik dan aplikasi pembelajaran sebenar di tempat kerja. Ia dapat meningkatkan pembelajaran berdasarkan pengalaman (experiential learning) yang secara efektifnya dapat diterokai di luar kampus atau di industri di mana pengalaman kerja sebenar dapat disediakan oleh pihak yang berkaitan.	Bilangan program akademik yang menggunakan Mod Pengajian Industri (2u2i/3u1i) di Universiti Awam.

Tenaga pengajar yang berkualiti tinggi (OS3)

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
1	Peratus program TVET yang memenuhi syarat minimum 30% tenaga pengajar yang mempunyai kompetensi/pensijilan profesional.	Tenaga pengajar bagi program TVET yang mempunyai kompetensi/pensijilan profesional yang merangkumi Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan, Teknologi, Media Baharu dan Diploma.	(Bilangan program TVET yang memenuhi syarat/jumlah keseluruhan program TVET) x 100
2	Peratus program kejuruteraan yang memenuhi syarat minimum tenaga pengajar berkelayakan Jurutera Profesional (Ir)	Tenaga pengajar program sarjana muda kejuruteraan yang mempunyai kelayakan profesional seperti Jurutera Profesional (Ir).	(Bilangan program kejuruteraan yang memenuhi syarat/jumlah keseluruhan program kejuruteraan) x 100
3	Peratus program teknologi yang memenuhi syarat 5% tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman industri minimum setahun	Tenaga pengajar program sarjana muda teknologi yang mempunyai pengalaman industri	(Bilangan program teknologi yang memenuhi syarat/jumlah keseluruhan program teknologi) x 100

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
4	Peratus tenaga pengajar yang mempunyai kelulusan PhD.	Tenaga pengajar gred DS45 keatas yang mempunyai kelulusan PhD kecuali PLV dan Guru Bahasa.	(Jumlah staf akademik gred DS45 keatas yang mempunyai keulusan PhD/ jumlah keseluruhan staf akademik di UniMAP kecuali PLV dan Guru Bahasa) x 100
5	Bilangan staf akademik antarabangsa yang berkhidmat di UniMAP	Pelantikan staf akademik antarabangsa dilaksanakan sebagai salah satu agenda pengantarabangsaan universiti.	Bilangan staf akademik antarabangsa di UniMAP.

Enrolmen pelajar yang mampan (OS4)

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
1	Peratus pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian di peringkat prasiswazah.	Bilangan pelajar prasiswazah yang mendaftar daripada jumlah keseluruhan tawaran yang dikeluarkan.	(Bilangan pelajar prasiswazah yang mendaftar) /(jumlah keseluruhan tawaran) x 100
2	Bilangan pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian di peringkat pascasiswazah.	Bilangan pelajar yang mendaftar ke program Sarjana & Doktor Falsafah.	Bilangan pelajar yang mendaftar ke program Sarjana & Doktor Falsafah.
3	Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa yang mendaftar untuk mengikuti pengajian di UniMAP	Pelajar antarabangsa yang mendaftar untuk mengikuti pengajian di UniMAP	Bilangan pelajar antarabangsa yang mendaftar di peringkat prasiswazah dan pasca sisiswazah.

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
4	Peratus pelajar Sarjana Muda menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan di universiti awam [OBB]	<p>iGoT ditakrifkan sebagai peratusan pelajar sepenuh masa dari kumpulan pengambilan (intake) tertentu yang berjaya menamatkan pengajian pada atau sebelum tahun pengajian yang ditetapkan untuk bergraduat. Tahun bergraduat ditakrifkan sebagai tahun kelulusan senat diperolehi.</p> <p>Kumpulan pengambilan (intake) merujuk kepada bilangan pelajar dari kumpulan pengambilan tertentu bagi sesebuah universiti yang terdapat dalam pangkalan data MyMoHeS, tidak termasuk pelajar yang telah pun dinyatakan sebagai "tidak aktif" atau bergraduat.</p>	(Bilangan pelajar daripada pengambilan (intake), n, yang bergraduat pada tahun bergraduat yang ditetapkan / Bilangan pelajar daripada pengambilan (intake), n, yang bergraduat pada tahun bergraduat yang ditetapkan) * 100
5	Peratus keciciran pelajar di peringkat sarjana muda di Universiti Awam [OBB]	<p>Peratusan Keciciran (attrition) sepanjang tempoh pengajian pelajar ditakrifkan sebagai peratusan pelajar sepenuh masa daripada kumpulan pengambilan (intake) tertentu yang menarik diri, berhenti atau diberhentikan sepanjang tempoh pengajian yang ditentukan. Pengiraan kadar keciciran adalah berkaitan dengan kadar iGoT.</p> <p>Kumpulan pengambilan (intake) merujuk kepada bilangan pelajar dari kumpulan pengambilan tertentu bagi sesebuah universiti yang terdapat dalam pangkalan data MyMoHeS, tidak termasuk pelajar yang telah pun dinyatakan sebagai "tidak aktif" atau bergraduat.</p> <p>Tercicir: menarik diri, berhenti atau diberhentikan Nota: Pelajar yang meninggal dunia tidak termasuk dalam pengiraan peratus keciciran</p>	Bilangan pelajar daripada pengambilan (intake), n, yang tercicir, dalam tempoh pengajian yang ditetapkan/ Bilangan pelajar bagi pengambilan (intake), n x 10

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
6	Peratus enrolmen pelajar dalam program TVET di UA [OBB]	Jumlah pelajar aktif pengajian tahun semasa yang terdiri daripada 13 program sarjana muda teknologi kejuruteraan, 6 program teknologi, 1 program komunikasi media baharu dan 6 program diploma kejuruteraan.	Jumlah pelajar aktif pengajian 13 program sarjana muda teknologi kejuruteraan + 6 program teknologi + 1 program komunikasi media baharu + 6 program diploma kejuruteraan.

Kemudahan dan sistem akademik bertaraf dunia (OS5)

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
1	Bilangan fasiliti/kemudahan makmal yang menyokong proses pembelajaran terkini.	Fasiliti/kemudahan makmal yang mempunyai capaian internet yang stabil dan peralatan mengajar secara digital untuk menyokong proses pembelajaran.	Bilangan makmal yang menyokong proses pembelajaran terkini.

RUMUSAN KPI TERAS PEMERKASAAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

Memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa (OS1)

BIL	KPI	DEFINISI OPERASIONAL (OD)	CARA PENGIRAAN
